

A. Pengenalan

Insentif Penerbitan mula dilaksanakan di UTeM pada tahun 2012. Permohonan terbuka kepada semua staf akademik UTeM termasuk staf yang sedang cuti belajar, dipinjamkan dan sangkut industri. Kadar insentif sentiasa disemak dan dibuat penambahbaikan mengikut keadaan dan keperluan semasa universiti.

B. Kategori Pemohon dan Asas Agihan

Dokumen Penetapan Beban Jam Seminggu bertarikh 27 Februari 2013 adalah dirujuk bagi mengenalpasti aras minima kelayakan ke atas tuntutan insentif yang dibuat. Jadual 1 memaparkan aras minima yang perlu dipenuhi mengikut kategori perjawatan dan jenis penerbitan.

Jadual 1: Aras minima wajib dicapai

	Kategori Perjawatan Staf Akademik	Aras Minimum Tanpa Insentif Mengikut Jenis Penerbitan			
		Jurnal	Bab Buku	Buku	Monograf
1	VK7 (Profesor Gred Khas C dan ke atas)	2 artikel jurnal Indeks ISI	1 bab	1 buku	1 monograf
2	DS53/54 (Profesor Madya)	1 artikel Jurnal Indeks Scopus	1 bab	0	0
3	DS45 dan DS51/52 (Pensyarah/Pensyarah Kanan)	1 artikel Jurnal Tempatan	0	0	0
4	Lain-lain jenis perjawatan (cth: tutor/guru bahasa/jurutera pengajar/ bukan akademik)	0	0	0	0

C. Syarat Permohonan Insentif Penerbitan Jurnal Tahun 2014

Semua syarat di bawah perlu dipatuhi bagi melayakkan sesuatu permohonan disemak dan diperakui:

1. Pemohon adalah staf akademik UTeM (kontrak, tetap dan sementara).
2. Pemohon adalah penulis pertama (**Principal Author**). Bagi artikel yang ditulis oleh pelajar Pasca Siswazah (sebagai penulis pertama), nama staf pertama yang tercatat sebagai penulis bersama layak memohon.
3. Artikel telah diterbitkan (**published**) dalam tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014.

4. Artikel mempunyai afiliasi (*affiliated*) UTeM. Pemohon yang menulis semasa berada di universiti lain pada tahun yang dinilai, turut dipertimbangkan sekiranya artikel tersebut menyenaraikan UTeM sebagai afiliasi kedua.
5. Artikel mempunyai penghargaan (*acknowledgement*) kepada pemberi dana / UTeM.
6. Artikel terbitan berasaskan penyelidikan yang dilaksanakan.
7. Status jurnal mestilah sah dan tidak diragui. Contoh: Jurnal indeks ISI Zoologi. Jurnal ini tidak diambil kira walaupun berindeks ISI.
8. Status artikel prosiding yang diangkat ke jurnal adalah dikategori sebagai jurnal berbayar. Bayaran juga dikategori dibawah jurnal indeks berbayar. Kategori jurnal yang dimaksudkan adalah
 - Proceedia of Engineering – bagi bersidangan MUCET 2013
 - Proceedia of Engineering – bagi TRIBOLOGY 2013 yang dibawah tajaan geran penyelidikan
 - Artikel yang diterima masuk ke jurnal melalui program bengkel penulisan jurnal dan ditaja oleh CRIM
 - Pensyarah kontrak dikira sekiranya penulis bersama adalah staf UTeM
9. Pemohon perlu memuatnaik artikel yang diterbitkan ke dalam **URIS**.
10. Permohonan hendaklah lengkap dan dihantar secara atas talian sebelum tarikh tutup permohonan iaitu pada **3 Ogos 2015**.
11. Bukti penerbitan perlu diambil dari Pangkalan Data Google Scholar, Scimago dan JCR.
12. Insentif hanya diberi mengikut kadar yang ditetapkan (rujuk Jadual Agihan Insentif, Pindaan 3/2014) setelah pemohon melepasi aras minima penerbitan (rujuk jadual 1).
13. Panel Semakan Insentif Penerbitan berhak mengubahsuai sesuatu agihan insentif yang dinyatakan dari semasa ke semasa tanpa merujuk kepada pemohon.
14. Panel Semakan Insentif Penerbitan akan dipilih oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk menyokong dan meluluskan sesuatu permohonan sebelum diperaku oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Keputusan panel adalah muktamad.
15. Kaedah pembayaran insentif adalah secara *credit on-line* selepas mendapat perakuan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

CARTA PERBATUAN INSENTIF PENERBITAN JURNAL 2014

1.	Pembukaan Permohonan	2 Jun 2015
2.	Penutupan Permohonan	3 Ogos 2015
3.	Semakan Pertama Peringkat Fakulti (Pengurus CoE)	4 - 16 Ogos 2015
4.	Semakan oleh Panel Semakan Insentif Penerbitan UTeM	19 - 30 Ogos 2015
5.	Perakuan & Pengesahan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi	1 – 5 September 2015
6.	Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui emel	8 – 13 September 2015
7.	Wang insentif dikreditkan ke dalam akaun penerima	15 – 27 September 2015

**JADUAL AGIHAN INSENTIF PENERBITAN
(PENERBITAN TAHUN 2014)**

	Kategori Penerbitan				ISI-WoS/JCR		Scopus		Insentif per kertas kerja (RM)	J=Jurnal, CB=Bab dalam buku, B=Buku, M=Monograf PA=Principal Author, IF=Impak Faktor, CIJ=Citation Index Journal
	J	CB	B	M	IF	NO IF	IF	NO IF		
1	√				√	√			1500.00	Penerbitan Jurnal Indeks ISI, kategori Q1 dan Q2 (Tanpa Bayar Yuran)
2	√				√	√			1200.00	Penerbitan Jurnal Indeks ISI, kategori Q3 dan Q4 (Tanpa Bayar Yuran)
3	√						√	√	1000.00	Penerbitan Jurnal Indeks Scopus (Tanpa Bayar Yuran),
4	√				√	√			300.00	Penerbitan Jurnal Indeks ISI semua kategori (Dengan Bayaran), Max.= RM 600 per PA
5	√						√	√	300.00	Penerbitan Jurnal Indeks Scopus (Dengan Bayaran), Max.= RM 600 per PA
6	√								300.00	Penerbitan Jurnal Tempatan Malaysia, Max.= RM 900 per PA
7			√						500.00	Penerbitan buku ilmiah, Max= RM 2,000 per PA untuk 5 buku. Penerbit UTeM (tambahan atas royalty).
8				√					250.00	Penerbitan Monograf melalui Penerbit UTeM, Max= RM500 per PA
9		√							250.00	Bab dalam buku penerbit di bawah MAPIM dan penerbit tersohor berindeks, Max = RM500 per PA dalam 1 buku (maxima RM 1000 untuk 4 buku)

Nota:

1.	Jadual Agihan menunjukkan penerbitan dalam Jurnal Indeks Scopus dan ISI yang diberi insentif, di samping Journal Tempatan.
2.	Semua bukti penerbitan wajib diambil dari Pangkalan Data yang disahkan benar.
3.	Syarat permohonan dan agihan insentif penerbitan perlu merujuk kepada Garis Panduan Insentif Penerbitan tahun berkenaan.